1. **Anda** mestilah tidak boleh menolak tanggungan, merunding atau membuat sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran berkaitan dengan sebarang kemalangan atau tuntutan tanpa kebenaran bertulis **Kami.**

2. **Kami** boleh mempertahankan dan menyelesaikan sebarang tindakan undang-undang atas nama **Anda**. **Kami** boleh mendapatkan kembali sebarang bayaran yang **Kami** buat di bawah Polisi kepada orang lain atas perbelanjaan **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami** sendiri dan **Kami** boleh berbuat demikian atas nama **Anda.** **Anda** perlu memberi **Kami** semua maklumat dan bantuan yang **Kami** perlukan.
3. Jika pada waktu sebarang tuntutan dibuat di bawah Polisi ini dan terdapat sebarang insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, **Kami** tidak bertanggungjawab membayar lebih daripada bahagian perkadarannya.

MANFAAT Q – Kehilangan Barangan Peribadi Akibat Kecurian Ragut
Sekiranya **Anda** telah kehilangan **Barangan Peribadi Anda** akibat **Kecurian Ragut**, **Kami** akan membayar balik kehilangan **Barangan Peribadi** bagi setiap **Kemalangan** sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Barangan Peribadi bermaksud beg tangan, dompet dan telefon bimbit yang boleh diukur secara monetari (tidak termasuk wang tunai), **Anda** miliki dan berada dalam simpanan **Anda** pada masa Kecurian Ragut.

Kecurian Ragut bermaksud perbuatan jenayah mencuri atau percubaan mencuri daripada **Anda** termasuk merebut ragut.

MANFAAT R - Bonus Pembaharuan
Apabila Polisi ini diperbaharui (dengan syarat pembaharuan dibuat secara berterusan dan Polisi tidak dibenarkan tamat dalam mana-mana satu (1) tahun), **Jumlah Asas Yang Diinsuranskan** akan ditambah sebanyak 15% pada setiap tahun sehingga maksimum 150% daripada **Jumlah Asas Yang Diinsuranskan**.

Bonus Pembaharuan hanya berkenaan dengan manfaat yang berikut:
- Manfaat A – Kematian Akibat Kemalangan
- Manfaat B – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan
- Manfaat C – Indemniti Berganda

MANFAAT S - Program Rujukan Bantuan Kecemasan
Kami mempunyai perjanjian dengan Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (seterusnya dikenali sebagai “Pembekal Perkhidmatan”), untuk menyediakan program bantuan antarabangsa komprehensif.

Asia Assistance
Talian Perkhidmatan 24 Jam
603 78415630

Anda boleh membuat panggilan caj berbalik/pindah bayaran kepada talian perkhidmatan 24 jam pembekal perkhidmatan pada bila-bila masa, tujuh (7) hari seminggu bagi mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan di bawah:

1. Program Bantuan Perubatan Antarabangsa
Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam ini adalah disediakan kepada **Anda** ketika mengembara ke mana-mana tempat di luar Malaysia di mana setiap perjalanan tidak boleh melebihi tempoh sembilan puluh (90) hari yang berturut-turut.

1.1 Perundingan Tele-Perubatan Keadaan **Anda**
Apabila nasihat perubatan diperlukan semasa mengembara di luar Malaysia, **Anda** perlu menelefon Pembekal Perkhidmatan untuk bantuan dan nasihat. Doktor Pembekal Perkhidmatan yang bertugas akan memberikan bantuan menerusi telefon.
Penting: Perbualan telefon ini tidak bermaksud memberikan diagnosis dan hendaklah dianggap sebagai nasihat sahaja.

1.2 Rujukan Perubatan dan Mengatur Temu Janji Perubatan
Atas permintaan, Pembekal Perkhidmatan akan memberikan nama, alamat dan nombor telefon **Pengamal Perubatan** (termasuk doktor am dan pakar), **Hospital**, doktor gigi dan klinik pergigian. Pembekal Perkhidmatan akan cuba mengesahkan kesediaan profesional perubatan atau pergigian berkenaan dan membuat temu janji untuk memberikan rawatan.

1.3 Mengatur Jaminan Kemasukan Hospital
Sekiranya kemasukkan ke hospital dalam kecemasan diperlukan dan **Anda** tidak mempunyai cara untuk membayar deposit kemasukan hospital yang dikehendaki, Pembekal Perkhidmatan akan memberikan jaminan kemasukan bagi **Anda**, dan perkhidmatan tersebut bergantung kepada sama ada Pembekal Perkhidmatan berjaya mendapatkan jaminan pembayaran menerusi kad kredit atau wang daripada keluarga **Anda**.

1.4 Penghantaran Ubat Yang Tiada Di Dalam Negara
Pembekal Perkhidmatan akan menghantar ubat keperluan yang tidak boleh didapati di dalam negara jika berlaku kecemasan dan sekiranya undang-undang, syarat dan peraturan tempatan membenarkan penghantaran sedemikian. Kos perubatan akan ditanggung oleh **Anda** dan **Kami** akan membiayai kos penghantaran tersebut.

1.5 Pemindahan Perubatan
Apabila mengalami kecemasan perubatan dan **Penghospitalan**, jika doktor Pembekal Perkhidmatan, selepas berunding dengan **Pengamal Perubatan** tempatan yang bertugas, mendapati bahawa kemudahan perubatan tempatan tidak sesuai untuk merawat **Anda**, Pembekal Perkhidmatan akan mengatur pemindahan **Anda** di bawah pengawasan perubatan yang berterusan ke kemudahan perubatan sesuai yang terdekat.

1.6 Penghantaran Pulang Atas Sebab Perubatan yang Dikawal Selia
Jika doktor Pembekal Perkhidmatan, selepas berunding dengan **Pengamal Perubatan** tempatan yang bertugas, menentukan bahawa rawatan perlu diteruskan di kemudahan perubatan lebih berdekatan rumah selepas berada dalam keadaan stabil, Pembekal Perkhidmatan akan mengatur penghantaran pulang di bawah pengawasan perubatan yang berterusan. Semua keputusan tentang kaedah pengangkutan ke destinasi akhir akan dibuat oleh Pembekal Perkhidmatan atau wakil sahnya, dan bergantung sepenuhnya kepada keperluan perubatan.

1.7 Pengawasan Perubatan & Penyampaian Pesanan Kecemasan
Pembekal Perkhidmatan akan mengawasi keadaan **Anda** jika **Anda** dimasukkan ke **Hospital** dan memastikan majikan/ anggota keluarga **Anda** dimaklumkan, selepas mendapat persetujuan bertulis **Anda**, melainkan ini tidak dapat dilakukan.

1.8 Penghantaran Pulang Jenazah
Sekiranya **Anda** meninggal dunia semasa mengembara akibat penyakit atau **Kemalangan**, Pembekal Perkhidmatan atau wakilnya yang sah akan mengatur dan membiayai semua perbelanjaan yang ditanggung bagi menghantar pulang jasad atau jenazah ke negara asal **Anda**. Semua kos yang ditanggung bagi penghantaran pulang tersebut adalah terhad kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia lima puluh ribu (**RM**50,000).

1.9 Lawatan Ke Hospital Oleh Rakan/Saudara
Sekiranya **Penghospitalan Anda** dijangka akan berlanjutan di luar Malaysia untuk tempoh lebih daripada tujuh (7) hari yang berturut-turut, dan doktor Pembekal Perkhidmatan yang bertugas setuju bahawa seorang saudara/rakan perlu berada di sisi **Anda**, Pembekal Perkhidmatan akan mengatur dan **Kami** akan membayar kos satu tiket kelas ekonomi dan penginapan bilik hotel bagi seorang saudara/rakan untuk melawat **Anda**. Kos bilik hotel tertakluk kepada had Ringgit Malaysia lapan ratus (**RM**800) setiap malam sehingga maksimum Ringgit Malaysia tiga ribu lima ratus (**RM**3,500).

1.10 Penghantaran Pulang Anak Yang Mengembara Bersama **Anda**
Jika **Anda** dimasukkan ke hospital dan keadaan perubatan **Anda** menghalang **Anda** daripada menjaga anak-anak tanggungan (di bawah usia lapan belas (18) tahun) **Anda** yang mengembara bersama **Anda** dan tiada saudara berada di sana untuk menjaga mereka, maka Pembekal Perkhidmatan akan mengatur pengangkutan kelas ekonomi sehala untuk menghantar anak-anak **Anda** pulang ke negara asal mereka. **Kami** akan membayar kos yang ditanggung bagi tiket kelas ekonomi sehala untuk semua anak bawah umur di bawah tanggungan yang mengembara dengan **Anda.**

2. Program Bantuan Perubatan Tempatan

Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam ini disediakan untuk **Anda** yang mengembara ke mana-mana tempat di Malaysia.

2.1 Perundingan Tele-Perubatan Keadaan **Anda**
Apabila nasihat perubatan diperlukan semasa mengembara di dalam Malaysia, **Anda** perlu menelefon Pembekal Perkhidmatan untuk bantuan dan nasihat. Doktor Pembekal Perkhidmatan yang bertugas akan memberikan bantuan menerusi telefon.
Penting: Perbualan telefon ini tidak bermaksud memberikan diagnosis dan hendaklah dianggap sebagai nasihat sahaja.

2.2 Rujukan Perubatan dan Mengatur Temu Janji Perubatan
Atas permintaan, Pembekal Perkhidmatan akan memberikan nama, alamat dan nombor telefon **Pengamal Perubatan** (termasuk doktor am dan pakar), **Hospital**, doktor gigi dan klinik pergigian. Pembekal Perkhidmatan akan cuba mengesahkan kesediaan profesional perubatan atau pergigian berkenaan dan membuat temu janji untuk memberikan rawatan.

2.3 Mengatur Jaminan Kemasukan Hospital
Sekiranya kemasukkan ke hospital dalam kecemasan diperlukan dan **Anda** tidak mempunyai cara untuk membayar deposit kemasukan hospital yang dikehendaki, Pembekal Perkhidmatan akan memberikan jaminan kemasukan bagi **Anda**, dan perkhidmatan tersebut bergantung kepada sama ada Pembekal Perkhidmatan berjaya mendapatkan jaminan pembayaran menerusi kad kredit atau wang daripada keluarga **Anda**.

2.4 Penghantaran Ubat Yang Tiada Di Dalam Negara
Pembekal Perkhidmatan akan menghantar ubat keperluan yang tidak boleh didapati di dalam negara jika berlaku kecemasan dan sekiranya undang-undang, syarat dan peraturan tempatan membenarkan penghantaran sedemikian. Kos perubatan akan ditanggung oleh **Anda** dan Pembekal Perkhidmatan akan membiayai kos penghantaran tersebut.

2.5 Pemindahan Perubatan
Apabila mengalami kecemasan perubatan dan **Penghospitalan**, jika doktor Pembekal Perkhidmatan, selepas berunding dengan **Pengamal Perubatan** tempatan yang bertugas, mendapati bahawa kemudahan perubatan tempatan dianggap tidak sesuai untuk merawat **Anda**, Pembekal Perkhidmatan akan mengatur pemindahan **Anda** di bawah pengawasan perubatan yang berterusan ke kemudahan perubatan sesuai yang terdekat.

2.6 Penghantaran Pulang Atas Sebab Perubatan yang Dikawal Selia
Jika doktor Pembekal Perkhidmatan, selepas berunding dengan **Pengamal Perubatan** tempatan yang bertugas, menentukan bahawa rawatan perlu diteruskan di kemudahan perubatan lebih berdekatan rumah selepas berada dalam keadaan stabil, Pembekal Perkhidmatan akan mengatur penghantaran pulang di bawah pengawasan perubatan yang berterusan.

Semua keputusan tentang kaedah pengangkutan ke destinasi akhir akan dibuat oleh Pembekal Perkhidmatan atau wakil sahnya, dan bergantung sepenuhnya kepada keperluan perubatan.

Perkhidmatan Pemindahan Perubatan dan Penghantaran Pulang Atas Sebab Perubatan yang Dikawal Selia dalam 1.5,1.6, 2.5 dan 2.6 di atas akan dikendalikan oleh Pembekal Perkhidmatan dan dibiayai oleh **Kami** dan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi. Semua kos yang ditanggung tertakluk kepada had satu juta dolar US (USD1,000,000) untuk setiap kejadian.

3. Bantuan Perjalanan

3.1 Keperluan Visa, Pasport and Pemvaksinan
Pembekal Perkhidmatan akan memberikan maklumat berkenaan visa, pemvaksinan, pasport atau keperluan imunisasi negara asing yang menjadi destinasi **Anda**.

3.2 Lokasi Barangan Hilang
Pembekal Perkhidmatan akan membantu **Anda** untuk mencari bagasi, dokumen dan barangan peribadi yang hilang. Syarikat penerbangan, pihak berkuasa kerajaan dan pengeluar kad kredit akan dimaklumkan, jika perlu.

3.3 Menyampaikan Pesanan Kecemasan
Jika berlaku kecemasan, Pembekal Perkhidmatan akan cuba menyampaikan pesanan di dalam atau di luar negara kepada penerima yang ditetapkan.

3.4 Mengatur Penerbangan
Pembekal Perkhidmatan akan membantu mengatur penerbangan bagi kepulangan keluarga **Anda** jika mereka juga mengembara bersama **Anda**.

3.5 Rujukan Guaman
Jika **Anda** mahukan bantuan guaman bagi sesuatu kecemasan semasa dalam perjalanan, Pembekal Perkhidmatan akan merujuk **Anda** kepada penasihat guaman tempatan.

3.6 Rujukan kepada Penterjemah/Jurubahasa
Jika **Anda** memerlukan bantuan penterjemahan kerana kecemasan dalam urusan perjalanan **Anda**, Pembekal Perkhidmatan akan merujuk **Anda** kepada seorang penterjemah tempatan.

3.7 Maklumat Cuaca dan Tukaran Asing

Pembekal Perkhidmatan akan memberikan makiumat tentang keadaan cuaca asing dan juga kadar tukaran asing jika perlu.

Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Bantuan Perjalanan di atas adalah melalui rujukan dan disediakan atas permintaan sahaja. Pembekal Perkhidmatan atau **Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap kos yang dikenakan oleh pihak ketiga. Kos tersebut hendaklah ditanggung secara langsung oleh **Anda**.

Definisi Berkenaan Dengan Manfaat S - Program Rujukan Bantuan Kecemasan

i. Kecemasan Perubatan
Keadaan yang dianggap oleh doktor Pembekal Perkhidmatan sebagai satu kecemasan perubatan serius yang memerlukan rawatan perubatan segera untuk mengelakkan kematian atau masalah serius kepada kesihatan **Anda**, pada masa ini atau dalam jangka panjang. Tahap keterukan masalah perubatan itu akan dinilai berasaskan konteks kedudukan geografi **Anda**, jenis kecemasan perubatan dan adanya khidmat jagaan dan kemudahan perubatan yang sewajarnya.

Pengecualian Berkenaan Dengan Manfaat S - Program Rujukan Bantuan Kecemasan

Program Bantuan Perubatan Antarabangsa yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada senarai pengecualian di bawah:

i. Pemindahan kecemasan perubatan, penghantaran pulang kecemasan atau kos yang tidak diluluskan terlebih dahulu dan secara bertulis oleh Pembekal Perkhidmatan dan/atau tidak diatur oleh Pembekal Perkhidmatan. Pengecualian ini tidak berkuat kuasa ke atas Pemindahan Kecemasan Perubatan dari kawasan jauh pedalaman atau primitif di mana Pembekal Perkhidmatan tidak boleh dihubungi terlebih dahulu atau jika kelewatan akan menyebabkan kehilangan nyawa atau benar-benar menjejaskan kesihatan **Anda**.
ii. Jika **Anda** mengembara walaupun dinasihatkan untuk tidak berbuat demikian oleh **Pengamal Perubatan** untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau untuk berehat dan memulihkan badan selepas mengalami **Kemalangan** atau penyakit.
iii. Jika pada pendapat Pembekal Perkhidmatan, **Anda** tidak mengalami masalah kesihatan serius atau jika rawatan boleh dilengahkan sehingga **Anda** pulang ke Malaysia atau ke negara mastautin tetap **Anda**.
iv. Kegagalan **Anda** untuk mengambil langkah berjaga-jaga selepas mendapat amaran tentang mogok, rusuhan atau kekacauan awam menerusi media masa.
v. Sebarang masalah kesihatan yang menjadi salah satu tujuan untuk mengembara.

Had Berkenaan Dengan Manfaat S - Program Rujukan Bantuan Kecemasan

i. Pembekal Perkhidmatan dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan untuk menyediakan perkhidmatan yang disebabkan oleh mogok atau keadaan di luar kawalannya termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan penerbangan atau sekiranya undang-undang tempatan agensi kawal selia menghalang Pembekal Perkhidmatan daripada menyediakan perkhidmatan tersebut.
ii. Profesional undang-undang dan/atau profesional perubatan yang dirujukkan oleh Pembekal Perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan secara langsung kepada **Anda** bukan kakitangan atau ejen Pembekal Perkhidmatan dan/atau anak syarikat atau syarikat bersekutunya. Pembekal Perkhidmatan dan/atau anak syarikat atau syarikat bersekutunya dan **Kami** tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi kualiti atau keputusan sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh perunding bebas yang dirujukkan oleh Pembekal Penkhidmatan kepada **Anda**.

PERUNTUKAN KHAS

- **Koma**
Setelah mendapat pengesahan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Anda** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% **Jumlah Asas Yang Dilindungi**. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk mendapatkan pulangan pembayaran yang dibuat jika **Anda** memperoleh semula kesedaran dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran yang disebut di atas untuk setiap tahun **Anda** berada dalam keadaan koma.

- **Kehilangan**
Kematian akan dianggap telah berlaku sekiranya **Anda** telah hilang selama dua belas (12) bulan yang berturut-turut dan **Kami** telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh Polisi ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami** bagi tuntutan sedemikian, **Anda** ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada **Kami**.

PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SELURUH POLISI)

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan **Anda** dalam: -
   a) Anggota berpakaian seragam dan bersenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara;
   b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
   c) Memanjat batu atau mendaki gunung (dengan keperluan menggunaan tali atau pemandu gunung), meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung (kecuali terjun bungee) atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
   d) Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasi oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
   e) Perbuatan jenayah atau sebarang kegiatan haram.
2. Dipengaruhi oleh dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pengamal Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran.
5. Gigitan nyamuk
   • Pengecualian item 5 tidak berkenaan dengan manfaat yang berikut:
      i. Manfaat G – Kematian Akibat Zika Atau Chikungunya
      ii. Manfaat D3 – Demam Denggi, Malaria & Ensefalitis Jepun
      iii. Manfaat H – Kematian Akibat Demam Denggi, Malaria & Ensefalitis Jepun
      iv. Manfaat S – Program Rujukan Bantuan Kecemasan
      v. Manfaat D5 – Kemasukan Hospital Tanpa Tunai
6. **Penyakit**, kesakitan atau sebarang masalah kesihatan (tidak berkenaan dengan Manfaat S - Program Rujukan Bantuan Kecemasan)
7. **Keadaan Sedia Ada**.
8. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
9. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya (tidak berkenaan dengan Manfaat N – Pemindahan Darah).
10. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekecohan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan

api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
12. **Peperangan** atau **Peperangan** saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
13. Sebarang **Tindakan Keganasan**
14. Sekatan - **Kami** tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Pemilik Polisi** atau **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
15. Wabak dan/atau pandemik.

SYARAT

1. HAD UMUR

Kelayakan umur untuk melayak Polisi ini adalah dari tiga puluh (30) hari hingga tujuh puluh (70) tahun, dan boleh diperbaharui hingga lapan puluh (80) tahun. Semua umur merujuk kepada umur **Anda** pada tarikh lahir yang berikutnya.

2. PENGUBAHAN

Kami berhak untuk meminda premium, terma dan syarat Polisi ini dan sebarang perubahan kepada Polisi ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Polisi** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma Polisi dengan alasan yang sah.

3. PENIMBANGTARA

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

4. PENAMATAN AUTOMATIK

Polisi akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:-

i. pada tarikh **Jadual Polisi** ditamatkan;
ii. pada tarikh tuntuan dibuat ke atas seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Asas Yang Diinsuranskan**;
iii. pada tarikh pembaharuan atau tarikh tamat tempoh premium, yang mana lebih awal, sekiranya premium yang diperlukan tidak dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat Polisi; atau
iv. pada tarikh pembaharuan jika **Anda** mencapai had umur maksimum pada lapan puluh (80) tahun.

5. PEMBATALAN

Kami boleh memberikan notis bertulis tujuh (7) hari tentang hasrat **Kami** untuk menamatkan Polisi ini melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Pemilik Polisi** yang diketahui, dan sebahagian daripada premium berkaitan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat akan dipulangkan. Pada masa yang sama, **Pemilik Polisi** boleh, pada bila-bila masa membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari, dan **Kami** akan menyimpan premium dikira pada skala kadar tempoh singkat bagi tempoh Polisi telah berkuatkuasa.

Berikut adalah skala kadar tempoh singkat yang akan digunakan :

Tempoh Polisi berkuat kuasa	Peratusan premium tahunan yang dikenakan
2 bulan (minimum)	40%
3 bulan	50%
4 bulan	60%
5 bulan	70%
6 bulan	75%
Lebih 6 bulan	100%

6. PERTUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT

Pemilik Polisi hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Kami** sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi **Pemilik Polisi** dan/atau **Anda** dan membayar premium tambahan yang mungkin akan dikenakan oleh **Kami**. Sebelum setiap pembaharuan Polisi dilakukan, **Pemilik Polisi** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis sekiranya terdapat sebarang kecederaan, kesakitan, kecacatan fizikal atau kelemahan fizikal di mana **Pemilik Polisi** dan/atau **Anda** telah sedar atau pun sedang atau telah mengalami.

7. BAYARAN TUNTUTAN

Semua manfaat yang perlu dibayar di dalam Polisi ini akan dibuat kepada **Pemilik Polisi** melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Polisi ini, kecuali sekiranya berlaku kematian, mengikut arah penamaan, atau bayaran akan dibuat kepada wakil peribadi **Pemilik Polisi** yang sah sekiranya tiada penamaan.

8. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang tuntutan di bawah Polisi ini:-

i. Notis bertulis yang menyatakan butir-butir tuntutan hendaklah diberikan kepada **Kami** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan sedemikian;
ii. **Anda** hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan** yang wajar dengan secepat mungkin;
iii. Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh **Kami**;
iv. **Anda** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh **Kami** atas perbelanjaan **Kami**.
v. Sekiranya berlaku kematian, **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dijalankan dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.

9. SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA

Sebagai syarat sebelum **Kami** menerima sebarang tanggungan, **Pemilik Polisi** dan setiap **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

10. TEMPOH BERTENANG

Jika Polisi telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab sekalipun **Pemilik Polisi** membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, **Pemilik Polisi** boleh memulangkan Polisi kepada **Kami** untuk dibatalkan dengan syarat **Pemilik Polisi** mengemukakan permintaan untuk pembatalan kepada **Kami** dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi. **Pemilik Polisi** berhak menerima pemulangan premium penuh yang dibayar dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas Polisi. Sekiranya tuntutan telah dibuat, premium tidak akan dipulangkan.

11. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

i. Semua bayaran yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
ii. Semua premium yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
iii. Sekiranya **Anda** dimasukkan ke dalam **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia serta bil rawatan tersebut bukanlah dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM)**, **Kami** akan membayar balik dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**) berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing (Kadar pertukaran terbuka sekiranya di pasaran bebas, dan pada kadar pertukaran rasmi sekiranya bukan dalam pasaran bebas) pada tarikh **Anda** dikeluarkan dari **Hospital**.

12. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna - Apabila **Pemilik Polisi** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Pemilik Polisi**, perniagaan atau profesion **Pemilik Polisi**, **Pemilik Polisi** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) seperti contoh, **Pemilik Polisi** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemilik Polisi** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Pemilik Polisi** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Pemilik Polisi** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Pemilik Polisi** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemilik Polisi** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna - Apabila **Pemilik Polisi** telah memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemilik Polisi**, **Pemilik Polisi** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemilik Polisi** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemilik Polisi**. **Pemilik Polisi** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemilik Polisi** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Polisi** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

13. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang penafsiran Polisi ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

14. TEMPOH IHSAN

Tempoh lhsan selama empat belas (14) hari dari tarikh premium perlu dibayar dibenarkan untuk bayaran sebarang premium. Dalam tempoh empat belas (14) hari tersebut, **Kami** akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar. Jika premium berkenaan dengan Polisi ini tidak dibayar pada akhir Tempoh Ihsan, Kontrak Polisi akan dianggap telah ditamatkan pada tarikh luput Polisi.

15. BAHASA

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

16. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Jika:

(a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Pemilik Polisi** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
(b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Pemilik Polisi** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Pemilik Polisi** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
(c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

maka dalam mana-mana hal di atas, Polisi ini adalah batal.

17. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Polisi ini tidak boleh diserah hak dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Polisi ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Pemilik Polisi** atau wakil sah di sisi-sisi undang-undang kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang diinsuranskan atau pampasan di bawah Polisi ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

18. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma Polisi ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh wakil sah **Kami.**

19. WARANTI PREMIUM

Ia adalah syarat khusus dan mutlak bagi Polisi ini bahawa premium yang dihutang kepada **Kami** mesti dibuat dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari **Tarikh Mula**. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Polisi ini akan dibatalkan secara automatik dan **Kami** berhak menerima premium prorata bagi tempoh **Kami** memberikan perlindungan. Bagi premium yang diterima oleh ejen sah **Kami**, premium dianggap diterima oleh **Kami** untuk tujuan waranti ini. Tanggungjawab untuk membuktikan premium diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak dibenarkan menerima premium tersebut, terletak pada **Kami**. Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

20. CUKAI

Semua premium dan yuran yang perlu dibuat di dalam Polisi mungkin dikenakan **Cukai**. Jika dikenakan, **Cukai** akan dinyatakan dalam invois

dan **Kami** berhak untuk menuntut atau mengutip **Cukai** daripada **Anda** selain daripada premium dan/atau yuran yang perlu dibuat di dalam Polisi ini.

21. Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

PENAMAAN

Penamaan bermaksud proses **Pemilik Polisi** melantik seorang atau lebih penerima wang polisi sekiranya berlaku kematian **Pemilik Polisi** (yang juga **Orang Yang Diinsuranskan**) dilakukan pada bila-bila masa selepas **Jadual Polisi** dikeluarkan. Sekiranya **Anda** ialah **Orang Yang Diinsuranskan**, **Anda** boleh membuat penamaan seorang atau lebih penerima wang polisi yang perlu dibayar di bawah **Jadual Polisi** ini. Jika **Pemilik Polisi** atau **Anda** meninggal dunia tanpa membuat penamaan, **Kami** akan membayar wang polisi kepada wasi atau pentadbir harta pusaka **Pemilik Polisi** atau **Anda** yang sah**.** Bayaran wang polisi adalah berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (seterusnya dirujuk sebagai “Akta”), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "**Kami**"). **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, mengehadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.
Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di laman web korporat www.zurich.com.my

PENTING
Pemilik Polisi hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Pemilik Polisi**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta dan Polisi dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS
Sila semak Polisi untuk memastikan ia memenuhi keperluan **Pemilik Polisi** .

Untuk mengelakkan salah faham, Polisi, **Jadual Polisi** dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika **Pemilik Polisi** mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan Polisi, sila hubungi ejen **Pemilik Polisi**, jika ada atau hubungi pejabat pengeluar **Kami**. **Kami** memberi jaminan bahawa aduan **Pemilik Polisi** akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai syarikat insuran yang bertanggunggjawab, **Kami** ingin memaklumkan **Pemilik Polisi** bahawa **Pemilik Polisi** juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Pemilik Polisi** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) atau Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS
Jika **Pemilik Polisi** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Pemilik Polisi** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada **Pemilik Polisi** berbanding **Kami**, **Pemilik Polisi** dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada **Pemilik Polisi** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika **Pemilik Polisi** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Pemilik Polisi** boleh menolak keputusan Pengantara. **Pemilik Polisi** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

Pemilik Polisi boleh menghubungi **Kami** di:
Zurich General Insurance Malaysia Berhad
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
Emel: callcentre@zurich.com.my

Pemilik Polisi boleh berhubung dengan OFS di:
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 603-2272 2811
Faks: 603-2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman web:www.ofs.org.my

Prosedur mengemukakan aduan kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)
Sebagai alternatif, **Pemilik Polisi** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati tehadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BPP untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Polisi ini kepada:

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia,
Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603-21741717)
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

ZURICH ZURICH
The trademarks depicted are registered in the name of
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide.
ZURICH